

Tenaga pakar tempatan berkemahiran tinggi untuk projek ECRL

KUANTAN 8 Ogos - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan pertemuan dengan wakil universiti dan institusi kemahiran dalam menjayakan Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program itu bagi menyediakan serta meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diserap bekerja dalam industri kereta api di bawah Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL).

Menurutnya, UMP dilantik sebagai Universiti Fokal bagi melaksanakan PLKI ECRL yang juga menyokong kepada agenda kebolehpasaran graduan IPT.

"Tumpuan kerjasama mem-babitkan program latihan seperti pengambilan dan pendaftaran peserta, pembangunan silibus, latihan profesional dan industri, penyediaan tenaga pengajar, kemudahan latihan, penyelidikan dan pembangunan.

"Kepakaran dan pengalaman UMP dan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dalam bidang teknikal ini begitu relevan dalam menyumbang terhadap kelancaran dan kebolehpasaran matlamat bagi mere-



DAING NASIR IBRAHIM (duduk, enam dari kiri) bersama wakil universiti dan institusi kemahiran vokasional dan teknik selepas taklimat PLKI Rangkaian Rel Pantai Timur di UMP Kampus Gambang, Kuantan, semalam. - IHSAN UMP

alisasikan projek ini.

"Pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia pada masa kini memerlukan lebih banyak tenaga pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang

teknologi, malah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) juga dilihat akan memberi lonjakan terhadap sistem pendidikan negara," jelasnya di sini.

PLKI diumumkan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini yang menyaksikan pertukaran dokumen persefahaman melibatkan 13 institusi dengan MRL dan Jabatan Sumber Manusia Syarikat Komunikasi dan

Pembinaan China (CCCC).

Selain UMP, program itu turut melibatkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara

(UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Kuala Lumpur (Unikl), GiatMara, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai rakan usaha sama dan rakan-rakan strategik lain.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr. Rizalman Mamat yang dilantik sebagai Ketua Koordinasi Projek ECRL UMP berkata, PLKI ECRL akan melatih 3,600 orang graduan dalam tempoh tujuh tahun dan pada peringkat ini lebih 300 tempat ditawarkan kepada lepasan universiti yang mempunyai kelulusan dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik.

"Mereka yang layak bakal ditawarkan pekerjaan dan akan mengikuti PLKI mulai September ini bagi memantapkan pengetahuan dalam bidang teknologi kereta api.

"Bilangan pelatih PLKI ECRL akan meningkat bermula Disember ini dengan pengambilan kedua seramai 250 graduan dan seramai 700 orang disasarkan bakal dilatih sehingga akhir 2018 di peringkat sijil, diploma dan ijazah," katanya.